

01 FEB 1998

Harga-Naik (Dengan Gambar)

PARA PENGGUNA MULA BAYAR LEBIH BAGI BARANGAN KEPERLUAN

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Dengan berakhirnya perayaan kembar, para pengguna kini terpaksa membayar lebih sedikit untuk membeli gula, tepung dan susu pekat manis berikutan kenaikan harga barangan tersebut antara 10 sen dan 25 sen mulai hari ini.

Di pasar, pengguna juga terpaksa berbelanja lebih untuk membeli ayam di mana harga ladang ternakan itu naik sebanyak 15 sen sekilo.

Kenaikan harga barangan tersebut yang diluluskan oleh Kabinet pada 10 Dis lepas, berkuatkuasa di seluruh negara mulai hari ini.

Dengan kenaikan itu, gula dijual pada harga RM1.45 sen sekilo berbanding RM1.20 sekilo, iaitu kenaikan sebanyak 25 sen manakala harga tepung pula naik 20 sen untuk dijual RM1.20 sekilo berbanding RM1 sebelum ini.

Harga susu pekat manis juga naik sebanyak 10 sen untuk setin seberat 397 gram. Ini bermakna harga baru susu itu ialah RM1.60 setin seberat 397 gram berbanding RM1.50 sebelumnya manakala tin seberat 525 gram kini dijual RM2.20.

Harga susu tepung penuh krim juga naik sebanyak 10 sen -- RM 1.75 setin seberat 397 gram dan RM2.20 bagi tin seberat 525 gram.

Bagi harga ayam pula, ia kini dijual RM3.05 sekilo berbanding RM2.90 sekilo sementara harga ayam sembelih ialah RM4.90 sekilo.

Harga gula dan susu di Sabah dan Sarawak adalah 10 peratus lebih berbanding harga di Semenanjung kerana kos pengangkutan.

Ketika mengumumkan kenaikan harga barangan itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata kenaikan harga itu tidak dapat dielakkan berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Walaupun kenaikan harga berkuatkuasa hari ini, terdapat banyak laporan bahawa pemborong, peruncit dan individu menyorok barangan keperluan itu sejak pengumuman kenaikan harga pada 10 Dis lepas.

Tinjauan Bernama hari ini mendapati banyak kedai melaporkan bekalan barangan keperluan yang mencukupi manakala tiada aduan mengenai permintaan mendadak daripada pengguna.

Walaupun banyak kedai tutup kerana cuti perayaan, ramai pengguna didapati mengunjungi beberapa kedai runcit dan pasar yang dibuka di Lembah Klang hari ini dan ada juga yang tidak sedar tentang kenaikan harga barang tersebut.

Pada 20 Jan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat menerima hakikat serta bersedia menghadapi kenaikan harga barangan keperluan selepas perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri.

Dr Mahathir berkata kerajaan dan rakyat tidak boleh menafikan fakta bahawa Malaysia menghadapi masalah kenaikan harga berikutan penurunan nilai ringgit serta kebanyakan barangan diimport.

Dengan kenaikan harga gula, tepung dan susu pekat manis, banyak kedai-kedai makan dilaporkan menaikkan harga makanan secara sewenang-wenangnya.

Kerajaan, persatuan-persatuan pengguna dan kesatuan-kesatuan sekerja telah meminta rakyat supaya memboikot kedai-kedai seperti itu.

Sejauh mana keberkesanan mesej ini dapat diterima oleh rakyat masih belum diketahui.

Megat Junid berkata kerajaan akan mengawasi kenaikan harga barangan

yang dijangka naik selepas perayaan berkembar ini.

Katanya, kerajaan akan memastikan bahawa kenaikan harga adalah minima dan tidak memberi kesan buruk kepada pelbagai pihak termasuk para pengimport. -- BERNAMA

ES DC